MAHATHIR-PEREMPUAN

83 ⓟ

KUALA LUMPUR, 21 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBUATKAN PARA PERWAKILAN UMNO KETAWA TERBAHAK-BAHAK APABILA BELIAU MENYEBUTKAN TIDAK SALAH BELIAU BERSALAM DENGAN WANITA ASALKAN TIDAK +MENCUIT-CUIT TANGAN MEREKA.+

+TIDAK SALAH SAYA BERJABAT TANGAN DENGAN WANITA SECARA BIASA TANPA CUIT-CUIT ATAU MEMPUNYAI SEBARANG NIAT... SAYA TAK TENGOK PUN MUKA MEREKA,+ KATA PERDANA MENTERI.

+KALAU SALAM DENGAN BERLAPIK NIPIS, DAN JIKA SYOK SANGAT, BARULAH BERDOSA,+ TAMBAH BELIAU DENGAN DISAMBUT GELAK KETAWA PARA PERWAKILAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA MENJAWAB TEGURAN SEORANG PERWAKILAN MENGENAI GAMBARNYA DAN GAMBAR TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM, BERSALAMAN DENGAN WANITA YANG TERKANDUNG DALAM BUKU PENYATA TAHUNAN UMNO.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BERSALAMAN DENGAN WANITA BUKAN UKURAN BAHAWA SESEORANG ITU ISLAM ATAU BUKAN ISLAM.

+YANG PENTING DALAM ISLAM IALAH NIAT DAN DI SINI SAYA INGIN MENEGASKAN SAYA BERSALAM KERANA MEREKA MENGHULURKAN TANGAN DAN OLEH KERANA MEREKA LAMA MENUNGGU KEDATANGAN SAYA, SAYA TIDAK BOLEH MENGHAMPAKAN MEREKA.+ -- BERNAMA 2103/OM